



فرسیداغن کالی کتیک (بلنجاوان) باکی تیمقوه فغکل کتیک
دیوان نگری کلتن ک لیما بلس

PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN KE LIMA BELAS TAHUN 2025

USUL TERGEMPAR

20 JAMADIL AWAL 1447 | 11 NOVEMBER 2025





Mencadangkan usul

**PERTAHAN KEDAULATAN DAN
KELESTARIAN SUMBER MINERAL NEGERI :
MEMPERTEGAS HAK NEGERI DAN
MENOLAK FEDERALISASI SUMBER DAN
HASIL MINERAL TANPA PARTISIPASI
NEGERI**



YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR

ADN Mengkebang





PENCABULAN TERHADAP KHAZANAH DAN KEDAULATAN NEGERI



Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia – Amerika Syarikat (ART) khasnya **melibatkan nadir bumi** merupakan pencabulan terhadap khazanah dan kedaulatan negeri. Kerajaan Negeri seakan-akan dikekang dengan ikatan perjanjian yang telah ditangani tanpa perundingan oleh Kerajaan Persekutuan.

TANGKAS BANGKIT MEMPERTAHANKAN SUMBER MINERAL NADIR BUMI



Merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Kelantan dan Menteri Besar – Menteri Besar SG4 kerana tangkas **bangkit mempertahankan sumber mineral nadir bumi sebagai hak negeri yang mutlak** berdasarkan Jadual Ke 9, Senarai Negeri.

PERTAHAN BUMI KELANTAN



Seluruh rakyat Kelantan akan berdiri teguh mempertahankan bumi Kelantan yang berdaulat dan merdeka.



YB TUAN WAN ROHIMI WAN DAUD

ADN MELOR





“ PERINGATAN & AMARAN

Usul “Pertahan Kedaulatan Dan Kelestarian Sumber Mineral Negeri: Mempertegas Hak Negeri Dan Menolak Federalisasi Sumber Dan Hasil Mineral Tanpa Partisipasi Negeri” merupakan peringatan dan amaran kepada Kerajaan Persekutuan bahawa negeri Kelantan tidak leka dalam isu hak sumber negeri. Pengalaman isu Akta Pembangunan Petroleum 1974 masih menjadi pengajaran kerana perjanjian tersebut pernah dimanipulasi.

“ HAK NEGERI DALAM PERLEMBAGAAN

Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa tanah dan hasil sumber mineral adalah bidang kuasa negeri. Kelantan mempunyai kekayaan sumber unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE), kedua terbesar selepas Terengganu.

“ KEBIMBANGAN TERHADAP PERJANJIAN MALAYSIA-AMERIKA SYARIKAT

Perjanjian perdagangan Malaysia-AS melibatkan sektor mineral kritikal dan NR-REE menimbulkan kebimbangan tentang hak negeri, kedaulatan ekonomi dan potensi manipulasi tafsiran undang-undang memihak kepada Persekutuan. Risiko pengulangan ketidakadilan seperti dalam isu Petronas



YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang





“ TUNTUTAN KELANTAN

Kerajaan Negeri menuntut pengiktirafan sebagai pemilik sah sumber mineral, menegaskan keperluan penyertaan langsung dalam sebarang rundingan atau perjanjian berkaitan NR-REE, serta meminta Kerajaan Persekutuan menambah baik dan mempercepatkan proses kelulusan, termasuk penilaian EIA

“ KERJASAMA DENGAN PELABUR ASING

Kerajaan Negeri terbuka kepada kerjasama dengan semua pihak, termasuk Amerika Syarikat, China dan lain-lain, namun kerjasama tersebut mesti memberi manfaat kepada negeri dan rakyat Kelantan, bukan semata-mata syarikat asing

“ KEDAULATAN & KEADILAN

Kerajaan Negeri menolak sebarang perjanjian berat sebelah memihak Amerika Syarikat, dan menuntut agar keadilan juga diberikan kepada Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Perak, dan Pahang

“ HAK & MARUAH

Isu ini bukan soal kemampuan, tetapi soal hak dan maruah negeri. Usul ini perlu diluluskan demi mengekalkan hak dan kedaulatan negeri secara berterusan



YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang





PERTAHAN KEDAULATAN DAN KELESTARIAN SUMBER MINERAL NEGERI:

Mempertegas Hak Negeri Dan Menolak Federalisasi Sumber Dan Hasil Mineral
 Tanpa Partisipasi Negeri

Segala **sumber mineral termasuk NREE adalah hak mutlak negeri Kelantan** yang berdaulat, perlu dihormati dan terjamin sebagaimana peruntukan Jadual Kesembilan, Senarai 2 (Senarai Negeri), Butiran 2(c) Perlembagaan Persekutuan (Permit dan lesen untuk mencari gali lombong; pajakan melombong dan perakuan melombong). Aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk **mewujudkan rantai industri NREE di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran adalah disokong** dan dialu-alukan. Namun segala usaha federalisasi sumber mineral yang **bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan tanpa patisipasi negeri adalah DITOLAK**.

Sebarang dasar, pelan pembangunan atau perjanjian antarabangsa yang menyentuh sektor **mineral dan hasil bumi negeri** mesti dibuat dengan **rundingan rasmi dan libat urus penuh negeri pemilik sumber**. Isi penuh dasar, pelan pembangunan atau perjanjian antarabangsa yang menyentuh sumber mineral negeri hendaklah dibentangkan dalam Majlis Tanah Negara dan Parlimen Malaysia untuk memastikan tidak berlaku pelanggaran terhadap hak negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan dan supaya hasil negeri dapat dimanfaatkan oleh rakyat dalam negeri pengeluar sumber.

Hasil bumi negeri bukan sekadar sumber ekonomi, tetapi adalah lambang kedaulatan serta maruah yang **tidak boleh dijadikan bahan rundingan tanpa pertimbangan yang adil terhadap negeri pemilik sumber**. Pengusaha hasilnya hendaklah dengan partisipasi negeri serta menitikberatkan kelestarian sumber, kelestarian alam sekitar dan peluang ekonomi kepada rakyat tempatan.





فرسیداغن کالی کتیک (بلنجاوان) باکی تیمقوه فغکل کتیک
دیوان نگرې کلنتن ک لیما بلس

**PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN)
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN KE LIMA BELAS TAHUN 2025**

15, 18-21 JAMADIL AWAL 1447 | 6, 9-12 NOVEMBER 2025

